

25 AUG 2002

Mahathir-Inggeris

PELAKSANAAN BI BAGI SAINS DAN MATEMATIK DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penggunaan bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik akan diteruskan mengikut jadual jika tiada sebarang masalah mengenainya.

Pada masa ini kerajaan masih memberi peluang kepada rakyat untuk menyatakan pendapat dan pada masa yang sama meneruskan persiapan ke arah pelaksanaannya, katanya pada persidangan media selepas melancarkan sambutan Hari Wanita 2002 yang bertema "Nur: Memupuk Generasi Berilmu " di Stadium Putra Bukit Jalil hari ini.

Dr Mahathir berkata: "kalau tidak ada masalah kita akan terus dengan apa yang dirancang walaupun pendekatan mungkin berbeza sedikit...tetapi sama ada akan buat rancangan (pelaksanaan) atau tidak persiapan mesti dibuat dan sedang dibuat."

"Kita akan mencari penyelesaian terbaik dalam melaksanakannya," katanya.

Penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar dua mata pelajaran itu dijadualkan bermula tahun depan dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Perdana Menteri berkata penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar Sains dan Matematik sebenarnya tidak memerlukan sangat kebolehan dan kepakaran guru dalam bahasa tersebut kerana proses pengajaran akan menggunakan komputer.

Guru, katanya, akan hanya menjalankan tugas sebagai fasilitator dan dalam proses tersebut turut belajar menguasai bahasa Inggeris.

Semua sekolah termasuk di luar bandar akan dibekalkan dengan komputer serta alat projektor untuk kegunaan guru dan pelajar, katanya.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri 15,000 wanita itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Jalil dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan menggunakan pendekatan yang sama dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar kerana ia adalah bahasa Kebangsaan.

Bagaimanapun rakyat tetap perlu fasih dalam bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa kedua negara, katanya.

Dr Mahathir berkata: "Banyak yang belajar bahasa Malaysia telah mengabaikan bahasa Inggeris sehingga sekarang ini kita dapati orang kita tidak boleh 'argue' dan bahas (dalam bahasa Inggeris) apabila berunding dengan orang dari negara lain."

"Begitu juga dalam taklimat kerana mereka tidak fasih. Bila dia cakap dalam bahasa Melayu terpaksa cari jurubahasa...kita tak perlu dua orang untuk melakukan kerja yang boleh dilakukan oleh seorang," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu fasih dalam bahasa Inggeris kerana ilmu baru semuanya dalam bahasa itu.

Malahan negara-negara yang dahulunya mendokong bahasa Kebangsaan asing-masing kini menawarkan bidang tertentu dalam bahasa Inggeris, contohnya di Rusia, bidang perubatan kini diajar dalam bahasa Inggeris, begitu juga di Jerman, Perancis dan Jepun, katanya.

Pada sidang media yang sama, Abdullah berkata beliau belum lagi memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai hasil perjumpaannya dengan 36 wakil pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili Melayu mengenai isu

penggunaan bahasa Inggeris semalam.

Pada perjumpaan itu, pertubuhan-pertubuhan termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka dilaporkan bersetuju dengan usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tetapi menyuarakan kebimbangan terhadap kaedah pelaksanaannya.

-- BERNAMA

HK AZH AKT MOZ